

# NAMA SEKOLAH



NAMA : .....

TINGKATAN : .....

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

5226

### TASAWWUR ISLAM

### TINGKATAN 5

2 jam 30 minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Tulis nama dan tingkatan pada ruangan yang disediakan di atas.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian . Iaitu **Bahagian A** yang mengandungi 20 soalan **dan Bahagian B** yang mengandungi enam soalan subjektif.
3. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.
4. Kertas peperiksaan ini perlu diserahkan kepada guru bertugas setelah tamat waktu peperiksaan .

| BHG.   | NO SOALAN | MARKAH PENUH | MARKAH CALON |
|--------|-----------|--------------|--------------|
| A      | 1-20      | 20           |              |
| B      | 1         | 20           |              |
|        | 2         | 20           |              |
|        | 3         | 20           |              |
|        | 4         | 20           |              |
|        | 5         | 20           |              |
|        | 6         | 20           |              |
| JUMLAH |           | 100          |              |

**BAHAGIAN A**  
**[ 20 markah ]**  
*Jawab semua soalan.*

**Soalan 1- 4**

*Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan disediakan.*

| No | Pernyataan                                                                                                                              | Pilihan Jawapan                   |
|----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------|
| 1. | Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan larangan-Nya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepada-Nya. | Islam   Iman   Ihsan              |
| 2. | Lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu kepadanya dan diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.                            | Nabi   Rasul   Sahabat            |
| 3. | Sistem ekonomi konvensional yang berpaksikan akal fikiran manusia semata-mata dan berasaskan kebebasan mutlak individu.                 | Sosialis   Komunis   Kapitalis    |
| 4. | Proses menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan hutang.                                                                      | Al-Rahnu   Al-Ijarah   Al-Wadi'ah |

**Soalan 5 - 8**


*Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.*

|          |          |       |        |
|----------|----------|-------|--------|
| akal     | mahkamah | hakim | rakyat |
| khalifah | asnaf    | wahyu | ansar  |

- Institusi zakat ditubuhkan untuk mengutip zakat daripada umat Islam dan mengagihkannya secara adil kepada \_\_\_\_\_.
- Allah SWT menganugerahkan \_\_\_\_\_ hanya kepada nabi dan rasul sahaja bukan kepada orang awam.
- Penghakiman yang dilakukan oleh \_\_\_\_\_ perlu dilaksanakan dengan jujur supaya kewibawaannya dihormati.
- Sentiasa bekerjasama dalam mempertahankan keselamatan negara merupakan salah satu tanggungjawab \_\_\_\_\_ yang perlu dilaksanakan.

**Soalan 9 hingga Soalan 10**

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan asas pergaulan dalam Islam.




9. P ialah : \_\_\_\_\_

10. Q ialah : \_\_\_\_\_

**Soalan 11 hingga Soalan 12**

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan jenis pemilikan harta menurut Islam.



11. R ialah : \_\_\_\_\_

12. S ialah : \_\_\_\_\_

**Soalan 13 hingga Soalan 14**

Tuliskan jawapan yang betul bagi melengkapi jadual di bawah pada ruang kosong yang disediakan berkaitan dengan peranan ahli keluarga menurut Islam.

| Ahli Keluarga | Peranan                                                                               |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| T             | Taat kepada pasangan dalam hal-hal yang tidak bertentangan dengan perintah Allah SWT. |
| Suami         | Menyediakan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal.               |
| U             | Mendoakan ibu bapa ketika masih hidup atau telah meninggal dunia.                     |

13. T ialah : \_\_\_\_\_

14. U ialah : \_\_\_\_\_



**Soalan 15 hingga Soalan 16**

Tuliskan jawapan yang betul bagi melengkapi jadual di bawah pada ruang kosong yang disediakan berkaitan dengan asas sistem perundangan Islam.

| Asas       | Penerangan                                                              |
|------------|-------------------------------------------------------------------------|
| <b>W</b>   | Memberikan amaran kepada mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan. |
| Pembalasan | Membalas perbuatan jahat dengan hukuman yang adil.                      |
| <b>X</b>   | Mendidik pesalah supaya insaf daripada kesalahan yang dilakukannya.     |

15. W ialah : \_\_\_\_\_

16. X ialah : \_\_\_\_\_

**Soalan 17 hingga Soalan 20**

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- |                                                                                                                           |                          |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| 17. Masyarakat perlu sentiasa memupuk semangat perpaduan dengan mewujudkan suasana saling membantu antara satu sama lain. | <input type="checkbox"/> |
| 18. Syumuliyah membuktikan bahawa Islam sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.                 | <input type="checkbox"/> |
| 19. Setiap ahli organisasi perlu mengutamakan kepentingan mereka sendiri untuk menaikkan imej organisasi tersebut.        | <input type="checkbox"/> |
| 20. Tabung Haji merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mempromosikan produk-produk kewangan Islam.         | <input type="checkbox"/> |

**BAHAGIAN B***Jawab empat soalan sahaja*

- 1 (a) Nyatakan empat rukun Iman selain beriman kepada Allah SWT.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Anda menyertai aktiviti gotong-royong perdana di sekolah yang melibatkan kerja-kerja membersihkan serta menanam pokok-pokok hiasan di kawasan sekitarnya bagi mewujudkan persekitaran yang indah dan selesa untuk warga sekolah.

- (b) (i) Berdasarkan situasi di atas, nyatakan tujuan penciptaan manusia sebagai hamba dan khalifah di muka bumi.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan anda di atas, huraikan akibat sekiranya umat Islam mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) (i) Nyatakan maksud muamalat Islam.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** prinsip muamalat Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Encik Rahmat merupakan seorang peniaga buah-buahan. Walaupun dia menyedari bahawa perbuatan menipu sukatan dan timbangan itu berdosa, dia tetap melakukannya kerana ingin mengaut keuntungan yang lebih bagi menampung kos hidupnya yang semakin meningkat.

- (d) Berdasarkan situasi di atas, terangkan **dua** cara yang boleh dilakukan untuk membantu mengatasi masalah ketidakadilan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



2 (a) Nyatakan maksud insan.

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan **dua** keistimewaan insan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah]

(c) Terangkan **dua** kepentingan wahyu dalam memelihara akal.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah]



*Islam melarang kegiatan yang boleh membahayakan diri.*

- (d) (i) Berdasarkan gambar di atas, terangkan matlamat perundangan Islam yang ingin dicapai.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Bagaimanakah cara anda merealisasikan sistem perundangan Islam dalam kehidupan sebagai seorang murid?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Dengan bekerja, umat Islam dapat memenuhi keperluan hidup seperti makanan dan tempat tinggal.

- (e) Terangkan **dua** sebab Islam menuntut umatnya bekerja selain daripada pernyataan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- 3 (a) Terangkan **dua** adab kesenian Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Sempena Sambutan Minggu Kesenian Islam, pihak sekolah anda telah menganjurkan beberapa pertandingan yang menarik. Semua peserta diwajibkan menjaga adab berpakaian, menggunakan bahasa yang sopan dan mengelakkan unsur yang bercanggah dengan syariat Islam.

- (b) (i) Berdasarkan pernyataan di atas, senaraikan **dua** contoh pertandingan yang boleh dianjurkan oleh pihak sekolah.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Huraikan kepentingan adab dan etika kesenian Islam dalam pertandingan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) (i) Nyatakan **dua** ciri khalifah.

.....

.....

.....

[2markah]

- (ii) Terangkan **dua** tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah SWT.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah]

- (d) Jelaskan **dua** perbezaan antara negara Islam dan negara bukan Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan maksud Rabbaniyyah.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** ciri prinsip Rabbaniyyah.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Kebelakangan ini, terdapat kes buli siber dan penyebaran fitnah yang semakin berleluasa . Perbuatan tersebut menjejaskan maruah, keselamatan dan hak asasi individu dan masyarakat.

- (b) Terangkan **dua** tindakan untuk mengatasi masalah tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah]



(c) Jelaskan **dua** etika tadbir urus Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah]

(d) (i) Jelaskan implikasi jika sesebuah organisasi tidak mengamalkan tadbir urus Islam.

.....

.....

.....

[2 markah]

(ii) Sebagai seorang pemimpin persatuan di sekolah, cadangkan tindakan yang boleh dilaksanakan untuk merealisasikan ciri tadbir urus Islam dalam organisasi anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 5 (a) Senaraikan **dua** contoh akhlak mahmudah terhadap Allah SWT.

.....

.....

.....

[2 markah]

Adik anda terpengaruh dengan rakan-rakan yang suka membuli murid lain sehingga dia juga turut membuli.

- (b) (i) Jelaskan tindakan yang boleh dilakukan untuk membantunya.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Ramalkan implikasi yang akan berlaku sekiranya kes tersebut tidak diambil tindakan oleh pihak sekolah.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Islam sangat menitikberatkan perkara yang berkaitan dengan kelayakan dan pelantikan hakim.

- (c) Jelaskan **dua** syarat pelantikan hakim menurut Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Jelaskan **dua** matlamat sistem kehakiman menurut Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Jenayah Siber di Melaka Catat 538 Kes, Kerugian Mencecah Lebih RM 8 Juta**

Penipuan pembelian dalam talian atau e-dagang merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 212 kes dengan kerugian RM 1.85 juta dan diikuti pelaburan dalam talian.

Bernama : 26/3/2026

- (e) Terangkan **dua** tindakan yang boleh dilakukan bagi mengatasi kes jenayah siber daripada terus berleluasa dalam masyarakat.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- 6 (a) (i) Nyatakan maksud berhibur menurut Islam.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** adab berhibur yang dianjurkan Islam.

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Berdasarkan hadis, jelaskan **dua** cara yang boleh lakukan untuk memupuk sifat mahmudah dalam pergaulan sesama rakan yang pelbagai kaum.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



*Gambar menunjukkan salah satu amalan bermuamalat secara Islam dalam kehidupan seharian.*

- (c) (i) Berdasarkan gambar di atas, terangkan langkah yang perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Pada pandangan anda, huraikan implikasi yang akan berlaku apabila muamalat Islam diabaikan dalam kehidupan seharian.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan sistem kehakiman Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**- KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT -**

